

Ikuti kami

Follow us

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Public Service Department

Perkembangan Terkini

Our Latest Updates


facebook
PASKOM

Foto/Aktiviti/Tips
Photos/Events/Tips




facebook JPA

Iklan/Tawaran/Pekeliling
Advertisements/Offer/Circular




twitter JPA2day

Foto/Aktiviti/Tips
Photos/Events/Tips



Instagram JPA2day

Foto/Aktiviti/Tips
Photos/Events/Tips



Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

f Mohamad Zabidi Zainal

t @ZabidiZainal



Dato' Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad
Timbalan Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

f Sharifah Zarah



Dato' Seri Zainal Rahim Bin Seman
Timbalan Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam (Operasi)

f Zainal Rahim Bin Seman

t @ZainalRahimS



Maklumat lanjut, sila layari:

Further information please visit:

www.jpa.gov.my

03-8000 8000

JPA TRANSFORM



Sumbangan Berita: Warga JPA

Penerbitan : Pasukan Komunikasi, Jabatan Perkhidmatan Awam

Percetakan : Unit Dokumentasi, Jabatan Perkhidmatan Awam

Buletin ini juga boleh dilayari secara digital di Portal JPA

Isu Kali Ini >>>

- ♦ Program Semarakkan Transformasi & Jelajah #myGST4U @ Perlis
- ♦ Program Kembara Kasih MAKSWIP 2014
- ♦ Pengenalan Jersi Kelab JPA



KUPASAN PERJALANAN TRANSFORMASI JPA

SEKITAR



ISU
13

17 - 30 NOV 2014

PROGRAM SEMARAKKAN TRANSFORMASI & JELAJAH #MYGST4U @ PERLIS

24 November 2014 - Program Semarakkan Transformasi dan Jelajah #myGST4U diteruskan lagi di Negeri Perlis. Ini merupakan negeri keempat selepas Perak, Sabah dan Kedah. Program ini dilaksanakan menerusi usahasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan bersama-sama kementerian, agensi dan Jabatan lain di peringkat Persekutuan dan Negeri antaranya Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Antara aktiviti yang dijalankan ialah sesi penerangan tentang Transformasi Perkhidmatan Awam dan GST kepada seluruh penjawat awam peringkat Negeri Perlis.



SAMB. PROGRAM SEMARAKKAN TRANSFORMASI & JELAJAH #MYGST4U @ PERLIS

Jelajah #myGST4U di Perlis ini merupakan negeri keempat daripada enam siri jelajah yang diadakan oleh JPA pada tahun ini. Jelajah #myGST4U merupakan salah satu inisiatif di bawah *Blue Ocean Communication on GST* yang diterajui oleh JPA dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Demi menyokong hasrat Kerajaan ke arah mencapai hasrat negara maju, Program Semarakkan Transformasi turut diadakan bagi menerangkan mengenai Agenda Transformasi Negara khususnya Transformasi Perkhidmatan Awam. Anggota perkhidmatan awam merupakan pelaksana dasar Kerajaan dan penyampai harapan rakyat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. JPA yang menerajui Transformasi Perkhidmatan Awam ingin mengajak semua penjawat awam Negeri Perlis untuk bersama mewujudkan sebuah Perkhidmatan Awam yang Berprestasi Tinggi, Berintegriti, Dinamik dan Berjiwa Rakyat berdasarkan Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam (KTPA) yang telah digarap dan dibangunkan oleh JPA.

Melalui program turun padang di bawah konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam, ia membolehkan JPA dan MOF menyebar luas agenda dan dasar mengenai GST serta menjawab segala pertanyaan dan kemusykilan mengenai GST yang berada di fikiran para penjawat awam dan kepada rakyat umumnya. Penganjuran program sebegini diharap dapat membawa anjakan perubahan baharu yang positif ke dalam minda penjawat awam agar menyokong dan melaksanakan dasar-dasar Kerajaan ke arah mencapai status Negara maju berpendapatan tinggi dan mampan.



MAJLIS MESYUARAT BERSAMA KEBANGSAAN

Mesyuarat Bersama Kebangsaan (MBK) telah diadakan bermula 20 hingga 21 November 2014. MBK telah dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu MBK Am, MBK Sains dan Teknologi dan MBK Pengurusan dan Profesional (P & P). Mesyuarat selama dua hari ini diadakan bagi mencapai persetujuan bersama berdasarkan kepada perbincangan dengan semua pihak berhubung perkara yang telah dibincangkan dalam Mesyuarat Pre-Council pada 19 November yang lalu. Harapannya agar mesyuarat ini berjalan dengan lancar, harmoni dan ahli-ahli mesyuarat berupaya mencari permuafakatan bagi meningkatkan penyampaian Perkhidmatan Awam.

Dalam ucapannya, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam mengajak semua penjawat awam untuk membuat anjakan pemikiran, tindakan dan aspirasi baharu serta mendepani masa. Hasil dari kemahuan dan kebolehan berfikir, bertindak dan beraspirasi boleh melonjakkan kreativiti, maka terhasillah inovasi yang hebat. Dengan itu, perkhidmatan awam akan menjadi satu institusi yang bukan sahaja mempunyai pekerja yang berdaya saing tetapi turut sentiasa mencetus idea-idea baru, berdaya maju, mempunyai mentaliti terpuji dan mendepani masa, lantas dapat memenuhi ciri-ciri warga sebuah negara maju.

Tan Sri juga menekankan mandat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada penjawat awam melalui Ucapan Bajet 2015 yang memberi fokus kepada Ekonomi Keperluan Rakyat, iaitu melalui strategi ketiga: Mengupaya Modal Insan Dan Keusahawanan, antara tindakan yang perlu dilaksanakan ialah Memantapkan Profesionalisme Perguruan dan Prestasi Sekolah, Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan dan lain-lain tindakan lagi.

Setiap cadangan daripada Pihak Pekerja dalam mesyuarat ini akan dipertimbangkan mengikut merit yang ditetapkan dan proses penambahbaikan kebajikan penjawat awam akan dilaksanakan secara berterusan. Semua wakil Pihak Pekerja diharap terus berperanan secara aktif dalam menyampaikan dan menyokong dasar-dasar Kerajaan. Pemimpin Pihak Pekerja perlu membuat kajian terperinci serta perbandingan dan melihat sesuatu tuntutan secara holistik sebelum ia dikemukakan kepada agensi pusat, bagi mencerminkan kredibiliti pemimpin kesatuan yang dapat memperjuangkan tuntutan-tuntutan pekerja dengan saksama.

JPA amat menghargai sokongan padu Pihak Pekerja kerana memberi kerjasama erat dan telah bersama-sama dengan Pihak Pegawai dalam mendokong dasar-dasar Kerajaan sebagaimana yang diharapkan.



PERHIMPUNAN BULANAN JPA BAGI BULAN NOVEMBER ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

17 November 2014, telah berlangsung Majlis Perhimpunan Bulanan bagi bulan November yang bertemakan “Modal Insan Berintegriti Pemacu Transformasi”. Integriti merupakan dasar terpenting yang menjadi pemacu pentadbiran Kerajaan dan penjawat awam seharusnya tidak mengabaikan nilai-nilai integriti dalam penyampaian perkhidmatan.

Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan pada tahun 2004 adalah sebuah pelan yang digarap sebagai pemangkin kepada pencapaian wawasan untuk melahirkan masyarakat yang menjulang tinggi nilai integritinya selain dari usaha kerajaan dalam mentransformasikan Perkhidmatan Awam. Tema kali ini adalah bertepatan dengan peranan JPA selaku peneraju Transformasi Perkhidmatan Awam sempena Hari Integriti Kebangsaan yang disambut pada bulan November setiap tahun.

Malah ia menjadi salah satu daripada enam Teras Strategik Agenda Transformasi Perkhidmatan Awam iaitu Nilai Bersama dengan membudayakan patriotisme, nilai-nilai murni, etos dan berintegriti. Pembudayaan nilai-nilai ini menjadi nadi utama yang akan membentuk penjawat-penjawat awam yang hebat dalam aspek integriti dan penghayatan sepenuh jiwa kepada etos Perkhidmatan Awam demi memastikan semua dasar yang dirancang dapat dilaksanakan serta mencapai objektif seperti yang ditetapkan.

Oleh yang demikian, sebagai penjawat awam kita perlu berganding bahu, membulatkan tekad dan azam untuk melaksanakan Agenda Integriti Negara dan membuat perubahan diri agar di akhirnya nanti, bukan sahaja kita mampu mencapai status sebuah Negara yang maju tetapi juga memiliki lapisan modal insan yang unggul dari segi membudayakan prinsip-prinsip nilai murni, etika dan integriti, yang dapat terus memacu usaha ke arah transformasi Negara yang berjaya.



PROGRAM KEMBARA KASIH MAKSWIP 2014

Pada 21 sehingga 24 November 2014 telah berlangsung Program Kembara Kasih MAKSWIP 2014 yang diadakan di Kampung Ujung Bukit, Kangar, Perlis. Program ini merupakan anjuran MAKSWIP dengan kerjasama MAKSAP Perlis, Jabatan Belia & Sukan Negeri Perlis, Kelab JPA dan PUSPANITA JPA. Program telah dirasmikan oleh Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Yang Dipertua MAKSWIP. Turut hadir bersama ialah Puan Sri Asmahan Ismail, Pengerusi PUSPANITA JPA; Datuk Adnan Md Ikhsan, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan; dan Dato' Jamil Salleh, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Exco MAKSWIP; Tuan Romli Dai, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis; Pengarah-pengarah Bahagian JPA dan JKKK Kampung Ujung Bukit, Kangar, Perlis.

Program turun padang kali ini disertai oleh penduduk kampung dan ahli MAKSWIP dan PUSPANITA JPA. Antara aktiviti yang dijalankan ialah gotong royong membersihkan kawasan perkuburan Kg. Ujung Bukit, mengecat rumah warga emas serta penyampaian sumbangan warga JPA berjumlah RM3,600 kepada anak yatim, ibu tunggal dan warga emas Kampung Ujung Bukit yang dikutip oleh Kelab JPA. Penduduk kampung dan ahli-ahli MAKSWIP turut bergotong-royong memasak hidangan tengah hari untuk semua peserta, petugas dan penduduk kampung yang terlibat.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR PESERTA KADET PTD BIL 2/2014

Pada 25 November 2014 telah berlangsung Lawatan Sambil Belajar oleh 60 Peserta Kadet Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Bilangan 2/2014 di bawah pengurusan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) ke Jabatan Perkhidmatan Awam. Lawatan Sambil Belajar ini adalah bertujuan untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai pengurusan dan pembangunan organisasi JPA selain memenuhi keperluan salah satu modul pembelajaran mereka iaitu Modul Pengurusan Sumber Manusia dan Organisasi (PESMO). Lawatan dimulakan dengan taklimat korporat JPA daripada Pasukan Komunikasi (PasKom) dan seterusnya lawatan ke bahagian-bahagian utama JPA. Kemuncak lawatan ialah sesi perbincangan kajian kes bersama fasilitator yang terdiri daripada pegawai-pegawai JPA.



MAJLIS PENGENALAN JERSI KELAB JPA & PENYAMPAIAN SUMBANGAN BANTUAN KELAB JPA

Pada 27 November 2014 telah berlangsung Majlis Pengenalan Jersey Kelab JPA dan Penyampaian Sumbangan Bantuan Kelab JPA di Dewan Melur, INTAN Bukit Kiara Kuala Lumpur. Dalam ucapannya, Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Kelab JPA kerana telah dinobatkan sebagai Pasukan Terbaik Kelab Bukit Perdana Peringkat Jabatan Perdana Menteri Tahun 2014 di Hari Inovasi dan Kecemerlangan JPM pada 29 Oktober 2014. Kejayaan ini membuktikan bahawa kecemerlangan warga JPA merangkumi keseluruhan aspek termasuk kejayaan dalam pencapaian aktiviti-aktiviti sukan serta pelaksanaan aktiviti-aktiviti rekreasi, kerohanian dan kebajikan.

Selain daripada itu, Yang Berbahagia Tan Sri juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Dato' Seri Presiden atas usaha menggerakkan pasukan sukan JPA dengan mengeluarkan jersi baharu berwarna kuning untuk kegunaan pemain-pemain JPA. Warna kuning dipilih kerana ia melambangkan semangat tidak mengaku kalah yang dimiliki oleh pemain-pemain yang akan bertanding dalam Kejohanan Bola Sepak Sembilan Sebelah dan Bola Tampar Pantai Peringkat MAKSJIP pada 5 & 6 Disember 2014 di Kangar, Perlis. Yang Berbahagia Tan Sri percaya dengan adanya jersi baharu ini, ia akan menaikkan lagi semangat berjuang para pemain JPA dalam bertanding.

Selain itu, turut diadakan Sumbangan Bantuan Persekolahan oleh Kelab JPA kepada Rumah Anak Yatim dan Saudara Baru Syifa, yang terletak di Setapak, Kuala Lumpur. Sumbangan bantuan dari Kelab JPA ini merupakan sebahagian daripada hasil wang kemenangan para pemain JPA dalam pertandingan-pertandingan sebelum ini. Semoga anak-anak yatim dan saudara baharu berjumlah 30 orang ini akan mendapat manfaat hasil sumbangan bantuan persekolahan yang diberikan untuk kegunaan pada tahun hadapan.



INTERACTION SESSION WITH PARTICIPANTS OF ADVANCED LEADERSHIP & MANAGEMENT PROGRAMME (ALMP) COURSE SERIES 45, NO. 3/2014

Interaction Session with Participants of the Advanced Leadership and Management Programme (ALMP) Course Series 45, Number 3/2014 was held on 27 November 2014. Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Director-General of Public Service advised the participants to be ready to introduce transformational change in ministries and agencies. This is what JPA has been trying to do today through the Public Service Transformation Framework. The Framework is founded on the principles of good governance, patriotism, ethics, integrity, innovation and diversity. It is built upon an enabling eco-system that is supported by scientific and technological advancements.

As of today, all ministries have participated in the Public Service Transformation lab series conducted in INTAN. During these lab sessions, officers from the ministries learned to apply the Public Service Transformation Framework within the context of their organisations. They then developed strategic measures with bold and radical strategic initiatives for implementation in their ministries. Yang Berbahagia Tan Sri hoped that all of the participants will be actively involved in helping to implement these initiatives and ensure the success of the transformation agenda in organisations.

Public service is a public sector in transformation, and there is no doubt that civil servants need to change in order to respond to governance challenges. Upon returning to respective organisations, Yang Berbahagia Tan Sri wishes to see participants becoming good leaders, with the ability to create positive change.



MAJLIS MENGHADAP DYMM TUANKU RAJA PERLIS

Pada 25 November 2014, DYMM Tuanku Raja Perlis telah berkenan menerima menghadap Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam serta beberapa Pengarah Bahagian JPA di Istana Arau, Perlis. Ketika menghadap, Tan Sri telah menyembahmaklum kepada Tuanku mengenai program-program transformasi Perkhidmatan Awam yang telah dijalankan JPA dan pemilihan negeri Perlis sebagai negeri pertama diadakan Lab Transformasi Perkhidmatan Awam peringkat negeri. Dalam titah balas, baginda berharap JPA dapat mengutamakan Pegawai-Pegawai yang berpengetahuan tinggi dan berpengalaman untuk ditempatkan di Negeri Perlis bagi menyumbang idea dan usaha untuk memajukan negeri Perlis.

Pada masa yang sama, Pengerusi PUSPANITA JPA, Puan Sri Asmahan Ismail dan barisan Exco PUSPANITA JPA turut menghadap DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis dan menyembahkan cenderahati kepada baginda. Selepas majlis menghadap, Tuanku berdua telah berkenan untuk bersantap tengah hari bersama rombongan JPA.

